

TARIKH	17 / 07 / 2014	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	70	RUANGAN	

Agensi
Riyadh

Kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mengekalkan pengurangan kuota jemaah haji tempatan dan luar negara bagi tahun ini masing-masing kepada 50 peratus dan 20 peratus.

Jurucakap Kementerian Haji Hatem Al-Qadi berkata, keputusan itu disebabkan projek peluasan Masjidil Haram masih dalam pelaksanaan.

"Keputusan itu dicapai

Saudi kekalkan kuota haji

■ Langkah diambil kerana projek peluasan Masjidil Haram belum siap

pada mesyuarat terakhir Kementerian Haji dan bertujuan memastikan keselamatan dan kesihatan jemaah terjamin," katanya.

Menurutnya, kementerian berkenaan menggunakan data yang ada untuk terus memudahkan urusan je-

maah dari awal sehingga mereka selesai menjalani Rukun Islam kelima itu.

Beliau mengesahkan jumlah jemaah tahun ini sama seperti musim haji tahun lalu.

"Tahun lalu secara keseluruhannya kami menerima

1,980,249 jemaah dengan 1,379,531 dari luar negara manakala 600,718 penduduk tempatan," katanya.

Menurutnya, warga dan penduduk Saudi perlu mematuhi ketetapan kementerian berkenaan yang meng-

haji sekali setiap lima tahun.

Kerja meluaskan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi adalah yang terbesar pernah dilakukan dalam sejarah.

Hasilnya dijangka mampu memuatkan 2.2 juta jemaah di Masjidil Haram selain menggandakan kapasiti se-

dia ada di kawasan sekitar daripada 48,000 jemaah sejam kepada lebih 105,000 sejam.

"Projek peluasan berkenaan juga akan meningkatkan kapasiti kawasan halaman di sekitar Masjidil Haram selain dapat mengurangkan kesesakan," katanya.